

Denggi masih ancam warga Shah Alam

558 kes sepanjang tujuh bulan tahun ini

Sinar harian 11/08/2010 MIS 54

SHAH ALAM – Dari awal Januari hingga minggu terakhir Julai, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mencatatkan 558 kes demam denggi di seluruh kawasan pentadbirannya, iaitu dari jumlah itu, sebanyak 510 melibatkan kes demam denggi (DD) manakala itu 48 kes demam denggi berdarah (DDB).

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, sehingga kini, MBSA juga membuat pemantauan dan mengadakan pemeriksaan di 30,925 premis.

“Premis ini termasuk rumah, kedai, sekolah, kilang, tadika, tapak binaan, projek perumahan terbengkalai, tempat pembuangan sampah, taman permainan dan rekreasi serta tempat berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes,” katanya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan didapati, sebanyak 1,250 premis positif menjadi tempat pembiakan Aedes dan MBSA juga mengeluarkan 157 kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT 1976) dan kesalahan ini boleh dikenakan kompaun sebanyak RM500.

“Sepanjang tempoh tersebut juga, MBSA membuat semburan kabus (fogging) di 475,158 premis bagi mengawal pembiakan Aedes.

“MBSA meminta semua lapisan masyarakat untuk



■ Fogging salah satu cara dilakukan MBSA bagi menangani denggi.

bersama memerangi denggi dengan memberikan kerjasama semasa aktiviti pencegahan diadakan. Antara lain kerjasama masyarakat diperlukan untuk membuka pintu semasa kerja-kerja pemeriksaan oleh petugas kesihatan ke premis masing-masing,” katanya.

Difahamkan, pada minggu lalu, MBSA mengadakan dua aktiviti gotong-royong di beberapa kawasan sekitar Shah Alam bagi membasmi tempat pembiakan Aedes iaitu di Taman Subang Perdana, Seksyen U2 dan di Padang Jawa.

“Pihak MBSA menggalakkan komuniti untuk mengadakan aktiviti gotong roy-

ong bagi mengurangkan dan membasmi tempat-tempat yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes,” katanya.

Shahrin berkata, daripada pemerhatian didapati, punca utama pembiakan Aedes adalah kerana kealpaan dan sikap cuai masyarakat yang tidak menjaga persekitaran kediaman.

“Selain itu, takungan air di dalam rumah seperti kolam mandi yang tidak digunakan, pam tandas, perangkap semut, alas pasu bunga juga berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes.

“MBSA serius dalam menangani masalah ini dan berharap kerjasama warga

Shah Alam. Ini termasuklah memastikan kawasan sekitar bebas daripada sampah-sarap dan sentiasa mengamalkan cara pembuangan sampah yang betul,” katanya.

Beliau berkata, pada masa yang sama, MBSA menyeru dan mengingatkan kepada warga Shah Alam supaya dapat mengambil masa selama 10 minit sahaja pada setiap minggu untuk membersihkan kawasan persekitaran rumah sama ada di dalam mahupun luar rumah.

Sebarang pertanyaan berhubung masalah denggi boleh berhubung dengan Bilik Gerakan Denggi, MBSA di talian 03-55222793 (waktu pejabat).